



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
Portal : www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (66)

Tarikh : 9 Oktober 2013

KENYATAAN DARIPADA YB DATO' ABDUL RAHMAN DAHLAN

PERKARA : KERAJAAN AKAN MENGEKALKAN HARGA RUMAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

Sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah bahawa kerajaan akan mengekalkan harga rumah Program Perumahan Rakyat (PPR), untuk membolehkan rakyat terus memiliki rumah idaman mereka.

Ini membuktikan yang Kerajaan peka dengan rintihan dan suara rakyat yang kini tertekan dengan kadar harga rumah yang tinggi di seluruh negara, khususnya di kawasan-kawasan bandar. Bagi projek PPR, KPKT telah melaksanakan 138 projek PPR (Disewa) dan PPR (Dimiliki) membabitkan pembinaan 92,630 unit di seluruh negara sejak 2001. Sehingga 30 September lalu, sebanyak 92 projek iaitu 69,036 unit telah siap dan bakinya masih dalam peringkat pelaksanaan. PPR ini dijual kepada rakyat pada harga RM35,000 di Semenanjung Malaysia, dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak. Ia juga disewa pada kadar RM124 sebulan bagi projek-projek PPR Disewa tertentu.

Kerajaan memberikan subsidi yang tinggi iaitu sehingga RM100,000 dalam membangunkan projek-projek PPR ini, bergantung kepada lokasi dan kos tanah. Walaupun dengan kos subsidi yang tinggi, Kerajaan akan meneruskan pembinaan projek PPR untuk memastikan rakyat mampu memiliki atau menduduki rumah mampu milik idaman mereka.

Dato' Abdul Rahman Dahlan

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan